



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27
MENARA DATO' ONN
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)
NO. 45 JALAN TUN ISMAIL
50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-4047 6000
Faks : 03-4047 6142
E-Mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

No. rujukan : PTPK.D.600-1/1 (12)

Tarikh: 02 Februari 2018

Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)

Unit 2-12, Tiara Mutiara
No. 139 Batu 6, Jalan Puchong
58200 Kuala Lumpur

U/p: Encik Mohamad Farid bin Hj Ismail

Tuan,

**SESI DIALOG DIANTARA PB FEMAC BERSAMA PENERUSI PERBADANAN
TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk maklumat tuan, sesi dialog diantara PB FeMAC bersama Pengerusi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah diadakan pada 24 Januari 2018 bertempat di Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur bagi membincangkan halatuju, peruntukan dana dan perancangan PTPK Tahun 2018.

3. Oleh yang demikian, disertakan disini ringkasan usul daripada ahli FeMAC dan cadangan daripada PTPK untuk maklumat dan tindakan tuan selanjutnya.

4. Segala Kerjasama dan perhatian yang tuan berikan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

“Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi”

Saya yang menurut perintah,

(ISMARIZAL BIN ISMAYATIM)

**RINGKASAN USUL DARIPADA AHLI FEMAC DAN CADANGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
(PTPK)**

<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">KOLEJ CQ BREYER</p>	<p>Larangan menduduki peperiksaan kepada peminjam oleh PB jika gagal membayar baki bayaran yuran kerana pelatih berjanji untuk melangsaikan tetapi kebanyakan tidak melunaskan baki selepas tamat pengajian. Oleh itu, PB terpaksa menanggung kerugian tersebut.</p>	<p>Pelatih masih mempunyai tunggakan kadar yuran dan ini merupakan implikasi yang dihadapi oleh Penyedia Latihan (PL) apabila kadar yuran yang dikenakan melebihi kadar pinjaman yang telah ditetapkan. Tindakan PL ini akan menyebabkan pembelajaran pelatih terganggu dan tidak dapat menamatkan latihan dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>PTPK juga telah mengeluarkan surat tindakan larangan menduduki peperiksaan kepada peminjam PTPK bertarikh 20 Ogos 2013 dan juga telah dipaparkan di laman sesawang PTPK seperti di <u>Lampiran A</u>.</p>
<p style="text-align: center;">2</p> <p style="text-align: center;">KOLEJ DAYATECH TOP SPEED COLLEGE KOLEJ AITC KUCHING AKADEMI JUARASA</p>	<p style="text-align: center;">KUOTA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kenapa kuota lambat tahun ini? 2. Kuota yang tidak pasti menyukarkan pihak PB untuk menjalankan program pemasaran. 3. Tempoh medapat kelulusan kuota dan permohonan pinjaman yang agak lama. 4. Tidak harus memperuntukkan kuota berdasarkan prestasi bayaran balik. 5. Peruntukkan kuota pinjaman latihan dicadangkan harus sama dengan kapasiti program yang diluluskan oleh JPK sekurang-kurangnya 25 kuota dan harus diumumkan PB seawal mungkin. 	<p>PTPK telah membuat Penambahbaikan Ahli Jawatankuasa dalam Mesyuarat Penentuan Kuota berhubung penetapan kriteria pengajian dan cadangan kuota yang sesuai diberikan kepada Penyedia Latihan.</p> <p>Penggunaan surat penangguhan yang dikeluarkan oleh PTPK telah dimanipulasi oleh Penyedia Latihan dengan andaian tiada peruntukkan dana adalah kurang tepat.</p> <p>PTPK juga telah mendapat pandangan daripada Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk mengkaji semula kaedah agihan kuota. Kaedah yang dicadangkan ialah Bayaran balik 45% dikurangkan kepada 30%.</p>

6	<p style="text-align: center;">INSTITUT PENGAJIAN GLOBAL</p>	<p style="text-align: center;">ARAH BAYAR</p> <p>Terdapat beberapa proses kes yang mana proses direct debit dari akaun pelatih ke akaun PL, memakan masa lebih dari seminggu dan ini mengakibatkan duit yuran tersebut telah digunakan oleh pelatih tersebut.</p>	<p>Isu ini lebih kepada masalah teknikal di Bank yang berlaku serentak. Ekoran daripada itu, PTPK telah mengambil inisiatif menyelesaikan isu ini dengan pihak bank. Salah satu kaedahnya ialah dengan potongan Elaun Sara Hidup (ESH). PL juga disyor untuk memastikan akaun bank pelatih aktif dan sah.</p>
7	<p style="text-align: center;">KOLEJ JSJ</p>	<p>Sistem pendaftaran pelajar selalu mempunyai masalah namun tidak dimaklumkan.</p> <p>Bayaran yang masuk kepada kolej tidak dimaklumkan dan pihak Kolej perlu menghubungi panel bank untuk melihat kekerapan kemasukan duit.</p>	<p>PL perlu menyemak secara menyeluruh sebelum mendaftar dan menghantar permohonan pelatih kepada PTPK. PL juga disyorkan supaya memaklumkan kepada PTPK untuk tindakan pegawai yang terlibat iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Personel yang ingin didaftar telah dikemaskini/diluluskan; ii. Program masih sah; dan iii. Ada kelulusan kuota.